

Pembelajaran dalam talian beri cabaran baharu

Mahasiswa dituntut segera biasakan diri kaedah ODL

Oleh Mohamed Farid Noh, Nor Amalina Alias, Nur Izzati Mohamad, Siti Haliza Yusop dan Zatul Iffah Zolkiply bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pembelajaran dalam talian sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) tidak hanya memberi kesan kepada pelajar sekolah, sebaliknya turut memberi cabaran baharu kepada mahasiswa di universiti awam.

Kaedah pembelajaran terbuka dan jarak jauh (ODL) menuntut mereka segera membiasakan diri, apatah lagi belum ada kepastian wabak COVID-19 akan berakhir sepenuhnya.

Pelajar Diploma Pentadbiran Awam Universiti Teknologi Mara (UiTM) Raub, Pahang, Nur Ainina Fitrah Jasmine AW Muhd, 21, berkata dia memilih berada di kampus sejak Oktober tahun lalu bagi memudahkannya mengikuti kelas secara dalam talian setiap hari.

"Saya terpaksa belanja RM100 setiap bulan bagi membeli data internet ketika menjalani ODL dari rumah. Walaupun berada di kampus, pengajian dalam talian

masih tidak mudah, berbanding bersemuka," katanya ketika dihubungi BH, semalam.

Bagi pelajar jurusan Sains Modul 1, Kolej Matrikulasi Negeri Sembilan, Muhammad Zulhilmi Zamri, 19, mahasiswa kini terpaksa bergantung sepenuhnya kepada pengajian dalam talian, termasuk pembelajaran amali, selagi angka kes COVID-19 tidak menurun.

"Sebagai pelajar, saya akui berasa kekurangan kerana tidak dapat ke makmal melakukan pembelajaran amali, tetapi langkah mengadakan kelas dalam talian sepenuhnya perlu diambil bagi mengekang COVID-19," katanya.

Di **Johor**, seorang pelajar Orang Asli yang menuntut di sebuah universiti tempatan terpaksa mengikuti kelas dalam talian menerusi telefon pintarnya dalam kebun kelapa sawit di Bekok, Labis sejak Jun tahun lalu.

Zhariennie Ramli, 19, dari Kampung Orang Asli Kemedak, berkata dia tidak pernah ketinggalan mengikuti kelas walaupun terpaksa menunggang motosikal sejauh lebih 16 kilometer bagi mencari liputan internet.

"Saya sempat merasai kehidupan di kampus selama seminggu sehingga Jun tahun lalu dan sejak itu belajar menerusi dalam talian di telefon bimbit. Kadangkala kelas bermula seawal jam 8 pagi hingga 6 petang, ada kalanya dibuat pada waktu malam.

"Keluarga pula tidak mampu membeli komputer riba kerana



Nurul Hasanah (tengah) sudah lapan bulan tidak bertemu keluarga kerana memilih tinggal di kampus.

(Foto Nik Abdullah Nik Omar/BH)



Faris Aliuddin (kanan) bersama rakan mengikuti pembelajaran dalam talian sejak Ogos tahun lalu.

(Foto Ghazali Kori/BH)

perlu utamakan keperluan lain, namun saya bersyukur kerana memiliki telefon pintar untuk mengikuti kelas," katanya yang mengikuti pengajian Diploma Perniagaan.

Di **Kelantan**, pelajar Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Nor Shahida Yaman, 23, menghadapi kesukaran mengikuti kelas dalam talian kerana capaian internet yang lemah di rumahnya.

"Saya terpaksa keluar sejauh kira-kira lima kilometer atau 30 minit untuk ke bandar bagi mendapatkan capaian internet yang baik," katanya.

Rakannya, Nurul Hasanah Mohd Zuki, 23, pula sudah lapan bulan tidak bertemu keluarga kerana memilih tinggal di kampus kerana menjalani peperiksaan penilaian dalam talian.

"Saya perlu capaian internet laju dengan berada di kampus untuk menghantar lampiran jawapan peperiksaan antara 15 ke 30 muka surat ke portal rasmi UMK," katanya.

Di **Pulau Pinang**, pelajar Jurusan Sastera dan Pendidikan Universiti Sains Malaysia (USM), Siti Zulaikha Abdullah, 21, mengakui cabaran belajar dalam talian memberi kesukaran, namun dari sudut positif dapat lebih fokus kerana berada di kampus

Saya terpaksa belanja RM100 setiap bulan bagi membeli data internet ketika menjalani ODL dari rumah.

Nur Ainina Fitrah Jasmine AW Muhd,
Pelajar Diploma Pentadbiran Awam UiTM Raub, Pahang

tanpa sebarang gangguan.

"Bukan mudah untuk saya lalui situasi ini, apatah lagi kurang rujukan memandangkan tidak semua rakan sekelas berada dalam kampus," katanya.

Pelajar tahun akhir jurusan Seni Halus USM, Masturina Johanis Johan, 25, pula berharap dapat kembali mengikuti kelas secara bersemuka memandangkan bidangnya itu amat sukar jika belajar dalam talian.

"Bidang seni halus perlukan saya berada di kampus, selain perlu menyiapkan banyak projek tetapi apakan daya ia perlu disiapkan di rumah dengan hanya mengikuti apa yang dimaklumkan pensyarah melalui dalam talian," katanya.

Di **Terengganu**, pelajar Diploma Pengajian Islam (Syariah) Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) Kampus Gong Badak, Faris Aliuddin Fazrul Ahtar, 19, berkata sejak mendaftar masuk Ogos tahun lalu, kelasnya diadakan secara dalam talian.

"Tidak dinafikan sukar sebenarnya belajar tanpa melihat pensyarah, mujurlah ada rakan di sini yang saling membantu," katanya yang sudah enam bulan tidak pulang ke kampung.

Di **Perak**, Pusat Internet Komuniti (PIK) Malaysia menjadi alternatif bukan saja bagi ibu bapa yang tidak mampu menyediakan gajet atau peranti untuk anak mengikuti pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR), malah ia juga mempunyai akses internet yang kuat.

Pelajar Tingkatan Empat Sekolah Menengah Kebangsaan Ulu Kinta, Che Hafizal Farish, berkata dia mengunjungi PIK itu setiap hari bagi mengikuti PdPR dan membuat rujukan internet.

"Kewujudan pusat ini sememangnya memberi banyak manfaat kepada pelajar supaya tidak ketinggalan dalam pelajaran, terutama selepas penularan wabak COVID-19 yang menyebabkan banyak sesi persekolahan secara bersemuka ditutup," katanya.



Siti Zulaikha akui belajar secara dalam talian di kampus membolehkannya lebih fokus dan tiada gangguan berbanding belajar secara dalam talian di rumah.

(Foto Ihsan pembaca)